



Cara perkukuh KUB

7 NOV 1991

KUALA LUMPUR, Rabu — Sikap terlalu yakin kepada prinsip dan falsafah koperasi tanpa memikirkan kelemahan pengurusan menjadi faktor utama Koperasi Usaha Ber-satu Malaysia Berhad (KUB) menghadapi pelbagai masalah sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata KUB gagal kerana pengurusannya tidak menjalankan tugas seperti dikehendaki

sedangkan setiap perniagaan memerlukan kajian mendalam dan pengurusan profesional.

Menurutnya, prinsip koperasi sebenar tidak bertujuan membuat keuntungan besar kerana ia lebih bertumpu kepada menjaga harga barangan supaya tidak terlalu tinggi dan mudah dibeli oleh ahli.

“Malangnya idea ini tidak begitu mudah dilaksanakan kerana untuk mengadakan

syarikat kita perlu kepada pengurusan. Bagi menjimatkan perbelanjaan, koperasi tidak mencari pengurusan profesional tetapi mendapatkan ahlinya sendiri untuk mengurus,” katanya melancarkan Kempen Tambah Ahli KUB di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Sehubungan itu, katanya, kebanyakan pemimpin koperasi berkemungkinan menyeleweng atau menarik diri kerana

na tidak tahan menerima kecaman ahli berikutan kegagalan koperasi mereka menca-tat keuntungan.

Katanya, sikap ahli koperasi sendiri yang menganggap badan itu sebagai tempat berhutang juga menyebabkan mereka menanggung kesusahan serta menggagalkan matlamat koperasi.

Sebaliknya, tegas beliau, ge-

LIHAT MUKA 2

Peluang perniagaan bukan asas kejayaan

7 NOV 1991
MARI MUKA 1

rakan koperasi berjaya di Eropah, terutama di Sweden dan Switzerland kerana penguasaan profesional serta sikap ahli yang memahami konsep dan matlamat koperasi.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, usahawan Bumiputera tidak patut menganggap peluang perniagaan yang diberi oleh kerajaan sebagai asas kejayaan perniagaan kerana ia tidak memberi sebarang jaminan keuntungan jangka panjang.

“Tidak ada tempat untuk orang berniaga yang hanya mahu peluang. Kalau seseorang itu minta banyak sangat peluang, maksudnya dia hendak menjual peluang itu kepada orang lain.

“Perniagaan orang seperti itu ialah penjualan peluang yang diberi oleh kerajaan. (Perbuatan sedemikian) menyebabkan pengetahuan dalam bidang perniagaan tidak tercapai oleh kita,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan tetap membantu Bumiputera dalam perniagaan, khususnya menggunakan sedikit kuasa politik untuk membolehkan orang Melayu bersaing dengan kaum lain.

Bagaimanapun, katanya, usahawan Melasu tidak boleh terlalu mengharap bantuan kerajaan sehingga perlu membawa keuntungan ke pangkuan mereka tanpa sebarang usaha.

“Jangan terlalu bergantung sangat kepada ‘kalau PM bagi’. Kalau perniagaan itu hanya bergantung kepada ‘kalau PM bagi’, itu bukan perniagaanlah,” katanya.

Datuk termasuk pemimpin Semangat 46 pun ada dalam KUB. Kita terima (se-mua orang) kerana KUB bukan hak Umno. Yang penting perniagaan itu untung dan orang kita belajar dengan betul cara berniaga,” katanya.

Perdana Menteri berharap perubahan baru dalam pentadbiran dan pengurusan KUB akan mencapai kejayaan, terutama menghasilkan keuntungan dalam bidang baru perniagaan termasuk teknologi maklumat dan minyak serta gas.